



SOALAN

Apakah perbezaan 'bukan' dan 'tidak'?

Oleh: Ardriza Isnin,
Sekolah Rendah Tampines



JAWAPAN

"Bukan" dan "tidak" ialah kata nafi yang digunakan pada predikat yang terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Kata Nafi "bukan" menjadi unsur kepada frasa nama dan frasa sendi nama. Ayat contoh:

1. Hadiah itu bukan untuk Salman.
2. Kapal minyak bukan dari Jepun.
3. Kain itu bukan daripada ulat sutera.
4. Kenaikan yang ditunggangnya bukan basikal.
5. Rumah yang tersergam itu bukan rumah saya.
6. Hazman bukan perenang negara.

Dalam ayat 1 hingga 3, Frasa yang mengikuti kata nafi "bukan" terdiri daripada frasa sendi nama, iaitu *untuk Salman*, *dari Jepun* dan *daripada ulat sutera*. Sementara dalam ayat 4 hingga 6, frasa yang mengikuti kata nafi "bukan" pula terdiri daripada frasa nama, iaitu *basikal*, *rumah saya* dan *perenang negara*.

Kata nafi "tidak" pula menjadi unsur kepada frasa kerja dan frasa adjektif.

7. Adiknya tidak pergi ke sekolah.
8. Saya tidak akan menyentuh barangnya lagi.
9. Fuad tidak merasa kuih yang dimasak ibunya.
10. Negara itu tidak maju.
11. Baju yang dipakainya tidak murah.
12. Rumah yang didiaminya tidak besar.

Dalam ayat 7 hingga 8, frasa yang mengikuti kata nafi "tidak" merupakan predikat yang terdiri daripada frasa kerja, sementara dalam ayat 9 -12 terdiri daripada frasa adjektif.

Walaupun begitu, kata nafi "bukan" boleh digunakan sebelum frasa kerja dan frasa adjektif, sekiranya frasa-frasa tersebut mendukung maksud pertentangan maklumat. Ayat contoh:

- Dia bukan membaca buku teks tetapi membaca komik.
- Tulisan di blog itu bukan menghasut tetapi memberi ingatan sahaja.
- Budak kecil itu bukan sahaja petah bercakap tetapi cerdik.
- Pemuda itu bukan sahaja hodoh tetapi berperangai buruk.